



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

| JUMAAT, 23 JULAI 2021 | |
|-----------------------|------------------------------------------------------|
| 1 | JPV rawat 100 kucing ibu tunggal |
| 2 | Lalat ganggu hidup penduduk |
| 3 | Pahang DVS lends hand to 'Hello Kitty Makcik' |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

JPV rawat 100 kucing ibu tunggal

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) membantu merawat kira-kira 100 kucing milik ibu tunggal, Siti Endon Ismail yang menetap bersama haiwan terbabit di Perumahan Kubang Buaya di sini.

Pengarah JPV Pahang Dr Kamaliah Ghazali berkata, antara rawatan segera yang diberikan ialah memberi ubat cacing, ubat kutu, vitamin, ubat selsema dan ubat mata kepada semua kucing peliharaan wanita itu.

Menurutnya, pihaknya juga turut memberi nasihat termasuk panduan kepada Siti Endon berkaitan penjagaan haiwan dan pemakanan serta persekitaran tempat tinggal haiwan itu.

“Pejabat Perkhidmatan Veterinar (PPV) Daerah Kuantan diketuai pegawainya, Norman Abdul Rahman sudah ke rumah wanita berkenaan untuk melihat seterusnya memberi rawatan pada semua kucing miliknya,” katanya.



DR Kamaliah (kiri) menyerahkan ubat untuk rawatan kucing kepada Siti Endon di Perumahan Kubang Buaya.

Lalat ganggu hidup penduduk

BATU GAJAH: Penduduk Taman Chenderong Jaya di sini hidup dalam keadaan tertekan ekoran masalah lalat berpunca daripada ladang ternakan ayam berhampiran seperti tiada kesudahan walaupun pelbagai aduan mengenainya telah dibuat.

Seorang penduduk, Mior Nazhar Mohd. Aris, 40, berkata, dia sudah tidak tahan berdepan masalah itu yang berlaku setiap tiga bulan hingga terpaksa membawa ahli keluarga ke rumah ibunya.

Katanya, masalah lalat berlaku antara 10 hingga 15 hari setiap tiga bulan sehingga menjejaskan kehidupan sehariannya dan keluarganya.

"Setiap hari saya perlu pasang 20 keping perangkap lalat, malah jika nak makan saya perlu makan depan kipas besar untuk pastikan tiada lalat.

"Itu belum lagi bila nak memasak. Kalau menggoreng ikan, belum pun masukkan ikan, lalat sudah masuk dalam minyak panas, ia benar-benar menyusahkan kami," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini kelmarin.

Menurutnya, kerana masalah lalat, dia terpaksa membawa isteri dan anak bongsunya yang berusia dua bulan ke rumah emaknya di daerah ini.

Katanya, masalah itu tidak hanya berlaku pada waktu siang



MIOR Nazhar Mohd. Aris (kanan) dan Saiful Kamil Sulaiman menunjukkan perangkap lalat yang penuh dengan serangga itu ketika ditemui di Taman Chenderong Jaya di Batu Gajah semalam. - UTUSAN/MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID

tetapi juga pada malam.

"Ini menyebabkan nak tidur, makan, bersantai dengan anak-anak pun tidak boleh," katanya.

Mior Nazhar percaya masalah itu berpunca dari ladang ternakan ayam berhampiran kerana masalah sama dihadapi kampung-kampung berdekatan.

Katanya, masalah itu pernah mendapat liputan media namun

ia tidak diselesaikan.

Sementara itu, pesara kerajaan, Saiful Kamil Sulaiman, 48, berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk mengatasi masalah itu namun tidak berkesan.

"Kami sudah cuba menggunakan air serai wangi, lada hitam kisar yang ditabur atas meja tapi masalah tidak berkurang," katanya.

Pahang DVS lends hand to 'Hello Kitty Makcik'

KUANTAN: The Pahang Veterinary Services Department has come forward to treat some 100 cats belonging to Hello Kitty costume entertainer Siti Endon Ismail at her house in Kubang Buaya near here. Its director, Dr Kamaliah Ghazali, said the district Veterinary Services office, led by its officer, Norman Abdul Rahman, had visited the 58-year-old single mother to treat the cats. She said the cats were given worm medication, ear mites and flea treatment, eye ointment and vitamins. The department also advised Siti Endon, who has been dubbed the "Hello Kitty Makcik" by the media, on proper care for the cats. Dr Kamaliah said many of the cats showed signs of malnutrition due to various factors, including food and irregular vaccination.